

17/11/1997

Johor kutuk draf resolusi 34 ahli Kongres

JOHOR BAHRU, Ahad - Umno Johor mengutuk sekeras-kerasnya draf resolusi 34 ahli Kongres Amerika Syarikat yang meminta Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memohon maaf dan meletakkan jawatan.

Sehubungan itu, Umno negeri berpendirian bahawa tindakan ahli kongres Amerika adalah cubaan memanjangkan undang-undang mereka sehingga ke peringkat antarabangsa termasuk Malaysia.

Pendirian itu diputuskan dalam mesyuarat khas Badan Perhubungan Umno negeri selama dua jam setengah yang dipengerusikan Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman di pejabat parti, di sini, petang semalam.

Abdul Ghani berkata, tindakan Kongres Ameriak amat keterlaluan kerana mereka cuba mencampuri sistem demokrasi dan urusan pentabdiran negara yang berdaulat dan merdeka seperti Malaysia.

"Mereka seolah-olah mencabar sistem demokrasi negara dalam proses pemilihan pemimpin dan mereka tidak ada hak untuk menentukan siapa yang harus menjadi pemimpin.

"Kami berkeyakinan penuh ke atas karisma Dr Mahathir sebagai pemimpin dan kita akan terus memberi sokongan padu termasuk membantu menangani masalah kejatuhan Ringgit Malaysia dan mata wang negara lain di rantau Asia Tenggara," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat khas itu.

Umno Johor menyifatkan draf resolusi 34 anggota Kongres Amerika itu turut cuba mencetuskan isu perkauman apabila mendakwa kerajaan mengamalkan diskriminasi terhadap bukan Bumiputera.

(END)